

Hadir ke Kelas Tuisyen Jamin Kejayaan?



Kelas tuisyen ibarat tempat ulang kaji. Sekolah ialah asasnya. Oleh hal yang demikian, kelas tuisyen dan sekolah merupakan institusi yang saling memerlukan.

Ibu bapa sanggup berkorban demi kejayaan anak mereka dalam pelajaran.

Tuisyen membawa eri bimbingan tambahan kepada murid bagi mata pelajaran tertentu. Perkataan ini berasal daripada perkataan bahasa Inggeris *tuition* yang bermaksud pengajaran. Pendidikan dan bimbingan dalam kelas tuisyen berbeza dengan pendidikan formal di sekolah. Peranan tuisyen sebenarnya tidak terletak pada penyampaian ilmu pengetahuan baharu kepada murid. Sebaliknya tuisyen lebih berperanan dalam pengukuhan ilmu pengetahuan

yang telah dipelajari oleh murid di sekolah. Maka peranan utama tuisyen yang sebenarnya ialah memberikan latihan untuk mengukuhkan pemahaman murid terhadap topik pembelajaran. Sebagai contoh tuisyen bagi mata pelajaran bahasa, murid akan diberi pelbagai latihan oleh guru tuisyen supaya murid berkenaan dapat menguasai kemahiran bertutur, kemahiran membaca,

dan kemahiran menulis dengan lebih baik.

Perkembangan kelas tuisyen yang semakin popular pada masa kini sebenarnya sudah bermula sejak awal zaman merdeka. Pertumbuhannya semakin pesat sejak tahun 1980-an. Kebiasannya murid tahun satu hingga murid tingkatan enam akan menghadiri tuisyen bagi mata pelajaran yang diperlukan.

Kelas tuisyen tertakluk di bawah Akta Institusi Pendidikan Swasta 1996. Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan kelas tuisyen semakin berkembang. Antaranya termasuklah faktor ibu bapa yang lebih cenderung menghantar anak mereka belajar di kelas tuisyen di luar waktu persekolahan.

Memang benar bahawa banyak ibu bapa kini menghantar anak mereka ke kelas tuisyen. Hal ini demikian kerana bagi mereka, belajar di kelas tuisyen boleh menjamin anaknya memperoleh keputusan peperiksaan yang lebih baik. Selain itu, ibu bapa tertarik menghantar anak mereka ke pusat tuisyen kerana kelas tuisyen menyediakan kemudahan yang lebih selesa untuk pembelajaran anak mereka. Pengusaha kelas tuisyen menyediakan alatan yang canggih yang dapat membantu murid belajar dalam keadaan yang lebih selesa berbanding di sekolah.

Kelas tuisyen biasanya menyediakan infrastruktur yang kondusif. Contohnya, penyediaan alat penyaman udara di dalam kelas yang dapat membantu keselesaan murid untuk belajar. Murid dapat menumpukan sepenuh perhatian kepada pelajaran apabila mereka berada di dalam kelas yang kondusif dan selesa berbanding di sekolah.

Bilangan murid yang tidak terlalu padat dalam kelas tuisyen juga menjadi faktor penggalak kepada ibu bapa untuk menghantar anak mereka belajar di situ.

Dalam era globalisasi ini, kelas tuisyen tumbuh seperti cendawan. Ibu bapa akan menghantar anak mereka belajar di kelas tuisyen yang baik dan menjanjikan bahawa anak mereka akan lulus dengan cemerlang. Wang tidak menjadi masalah kepada ibu bapa yang berkerjaya terutamanya yang tinggal di kawasan bandar. Kebanyakan ibu bapa yang berkerjaya tidak mempunyai waktu untuk mengajar

anak mereka, maka kelas tuisyenlah sebaik-baik tempat untuk anak mereka mendapat bimbingan dalam pelajaran.

Bilangan murid yang tidak terlalu padat dalam kelas tuisyen juga menjadi faktor penggalak kepada ibu bapa untuk menghantar anak mereka belajar di situ. Oleh hal yang demikian, guru di kelas tuisyen akan dapat memberikan tumpuan yang lebih kepada setiap muridnya berbanding di sekolah.

Bagi menarik minat ibu bapa menghantar anak mereka ke kelas tuisyen, pengusaha kelas tuisyen juga mengambil inisiatif untuk menggunakan pelbagai bahan dan kaedah pengajaran yang terkini. Di sekolah, kebanyakan guru hanya bergantung pada sukatan pelajaran yang dibekalkan oleh Kementerian Pelajaran sahaja tanpa tambahan maklumat serta kaedah pengajaran. Murid akan mudah berasa

basan dengan kaedah pembelajaran konvensional yang dipersembahkan oleh guru di sekolah. Selain itu, terdapat juga guru di sekolah yang mengajar secara sambil lewa. Contohnya guru hanya menyampaikan pengajaran tanpa memastikan murid faham tentang pembelajaran pada hari tersebut. Bagi murid yang bijak mereka akan mudah memahaminya bagi murid yang berada pada tahap sederhana dan lemah mereka akan tercicir daripada memahami topik yang disampaikan oleh guru tersebut. Terdapat juga sekolah yang mengalami masalah kekurangan guru. Bagi mengatasi masalah tersebut, pihak sekolah mengambil guru sementara yang tidak terlatih untuk mengajar. Kebiasannya guru ganti tidak terlatih kurang berpengetahuan untuk menyampaikan pengajaran.

Faktor Pengajaran dan Pembelajaran Guru di Sekolah

Dalam hal pengajaran dan pembelajaran di sekolah, guru lebih suka mengajar secara langsung berbanding pengajaran dan pembelajaran di kelas tuisyen yang menggunakan kaedah "cepat dan boleh", iaitu guru menggunakan internet dan mengumpul bahan daripada pelbagai sumber sebanyak mungkin dan terkini. Manakala kebanyakan guru di sekolah hanya menggunakan buku teks untuk mengajar. Bahan daripada internet atau bahan daripada sumber lain seperti

CTR No: 0000273021

Education - General

pg: 8-11

surat khabar dan majalah yang dijadikan sebagai bahan pengajaran, dapat menarik minat murid untuk belajar. Melalui minat untuk belajar tersebut murid mudah untuk memahami dan menghayati topik yang dipelajarinya. Walau bagaimanapun, guru di kelas tuisyen juga masih terikat dengan sukatan pelajaran yang dibekalkan oleh Kementerian Pelajaran, tetapi mereka berusaha menghabiskan sukatan tersebut dalam tempoh masa yang singkat akibat tiada gangguan bebanan atau tugas pentadbiran di kelas tuisyen berbanding guru sekolah. Guru di kelas tuisyen juga mempunyai banyak masa untuk membuat ulang kaji bersama-sama murid.

Pada masa kini, banyak guru yang berkelulusan Diploma Pendidikan Lepasijazah (DPLI) yang mendapat latihan perguruan yang terlalu singkat, iaitu selama setahun. Guru tersebut kurang mendapat pendedahan mengenai pengajaran dan pembelajaran. Guru lepasan DPLI ini hanya mendapat latihan mengajar selama enam minggu sahaja sedangkan mereka datangnya daripada pelbagai latar belakang pendidikan yang menyebabkan penyampaian ilmu tidak selaras dengan mata pelajaran yang diajarkannya di sekolah.

Selain itu, jumlah murid yang terlalu banyak dalam satu kelas di sekolah juga menyebabkan guru tidak dapat memberikan perhatian kepada setiap muridnya. Kebiasaannya di dalam kelas

terdapat 30 hingga 35 orang murid. Pelbagai kerenah dan juga tahap keupayaan murid tersebut perlu ditangani oleh guru. Tambahan pula waktu pengajaran yang terlalu singkat menjadikan guru tidak dapat memberikan semua maklumat kepada murid. Waktu pelajaran yang terlalu singkat, iaitu 30 minit atau 40 minit bagi setiap mata pelajaran menyebabkan guru tidak dapat memberikan maklumat yang banyak kepada murid. Masa 30 atau 40 minit belum ditolak dengan pelbagai kekangan yang berlaku di dalam kelas seperti masa yang diperlukan oleh murid untuk membina kumpulan dan masa yang diperlukan oleh murid untuk menyediakan bahan yang diminta oleh guru seperti petikan akhbar atau peralatan lain. Sebenarnya waktu mengajar hanya dapat dilaksanakan dalam masa 20 ke 25 minit sahaja. Oleh sebab itu, guru tidak dapat memberi maklumat yang banyak dalam satu sesi pengajaran.

Selain itu, kebanyakan guru hanya menggunakan satu kaedah pengajaran, iaitu "tulis dan cakap". Kaedah pengajaran ini merupakan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang biasa digunakan oleh guru dengan cara bercakap dan menulis perkara penting di papan tulis dan menerangkan topik yang diajarkannya

tanpa menggunakan alat bantu mengajar yang lain. Kebanyakan guru tidak sempat untuk menyediakan bahan pengajaran ekoran terlalu sibuk dengan kerja pengurusan dan pentadbiran seperti memasukkan data murid dalam buku rekod kesihatan dan sebagainya. Keadaan ini amat membimbangkan kerana pihak kerajaan telah membelanjakan sejumlah wang yang banyak dalam pendidikan negara, terutamanya mengadakan seminar kepada guru agar guru dapat mempelajari sesuatu kaedah yang baharu dan mempraktikkan dalam strategi pengajaran di sekolah. Namun, hanya segelintir guru yang dapat mencapai tujuan tersebut. Oleh sebab itu, tidak hairan sekiranya murid

berasa bosan dengan kaedah pengajaran yang berlaku di sekolah dan menyebabkan murid beralih untuk belajar di kelas tuisyen.

Seterusnya, di sekolah juga murid sering dibebankan dengan pelbagai tugasan seperti penyediaan folio dan kerja kursus sehingga mereka tidak sempat untuk mengulang kaji pelajaran secara konsisten bagi mencapai kejayaan cemerlang dalam peperiksaan. Manakala pembelajaran di kelas tuisyen tidak mengganggu murid dengan pelbagai tugas sampingan tersebut.

Faktor Rakan Sebaya

Kebanyakan nilai hidup, kepercayaan, sikap, dan tingkah laku remaja atau murid dipelajari dan dicontohi

melalui rakan mereka.

Keadaan ini menyebabkan murid cenderung untuk meniru perbuatan rakan mereka termasuklah menghadiri kelas tuisyen. Mereka akan berasa diri mereka tidak ketinggalan dan seiring dengan perkembangan rakannya jika turut serta belajar di kelas tuisyen. Mereka gemar belajar bersama-sama dengan rakan sebaya di kelas tuisyen. Pengaruh rakan sebaya memainkan peranan yang penting dalam kehidupan murid atau remaja. Malah, mereka lebih percaya kepada rakan berbanding dengan apa-apa yang diperkatakan oleh ibu bapa mereka. Mereka lebih selesa ditegur, didorong, atau dipuji oleh rakan sebayanya.

Murid yang menghadiri kelas tuisyen juga berpeluang mendapat kenalan baharu. Hal ini berlaku kerana kebanyakan murid yang menghadiri kelas tuisyen datang dari sekolah yang berlainan. Perkara ini membolehkan murid berkenalan dengan lebih ramai rakan dari kawasan yang berlainan seterusnya mewujudkan komunikasi yang sihat. Mereka bertemu, berbincang, dan berkongsi maklumat tentang pelbagai perkara. Keadaan ini sudah tentu dapat menambah pengetahuan murid di samping mewujudkan persaingan sihat antara

murid.

Pembelajaran di kelas tuisyen dapat membantu murid menyiapkan tugasan yang diberikan oleh guru di sekolah dan membantu murid memahami dengan lebih lanjut tentang topik yang telah dipelajari atau yang bakal diajarkan oleh guru di sekolah.

Kesimpulannya, kehadiran murid ke kelas tuisyen memberikan kesan positif kepada perkembangan pembelajaran murid. Walau bagaimanapun, ibu bapa dan murid jangan pula berasa waswas dengan proses pembelajaran di sekolah. Masih ramai murid yang boleh berjaya tanpa menghadiri kelas tuisyen. Oleh hal yang demikian, kepada murid yang tidak berkemampuan untuk menghadiri kelas tuisyen yang berbayar, murid harus memberikan tumpuan sepenuhnya ketika guru mengajar di sekolah. Ambillah peluang untuk bertanya kepada guru jika tidak faham atau kurang jelas dengan penerangan yang diberikannya. Ibarat kata pepatah, di mana ada kemahuan di situ ada jalan.

Selain itu, pertumbuhan kelas tuisyen juga harus dipantau oleh pihak berkuasa dari semasa ke semasa agar mutu pengajaran serta bimbingan selaras dengan matlamat untuk melahirkan pelajar cemerlang. Kelas tuisyen ibarat pusat ulang kaji. Sekolah ialah asasnya. Oleh hal yang demikian, kelas tuisyen dan sekolah merupakan institusi yang saling memerlukan. PB



Muda yang berkesan apabila guru hanya menggunakan kaedah menulis dan menerangkan di dalam pembelajaran tanpa menggunakan alat bantu mengajar yang lain.